# SOALAN LAZIM – MORATORIUM BERIKUTAN PENULARAN WABAK COVID-19 BAGI PEMBIAYAAN ISLAMIK BERKADAR TETAP (BAHAGIAN 2)

**(Merujuk kepada sidang akhbar Bank Negara Malaysia bertajuk "Pengendalian Moratorium bagi Pinjaman Sewa Beli dan Pembiayaan Islam Berkadar Tetap" pada Khamis, 30 April 2020)**

## SOALAN BERKAITAN MORATORIUM BAGI PEMBIAYAAN ISLAMIK BERKADAR TETAP

| NO. | SOALAN | JAWAPAN |
|---|---|---|
| 1 | Apakah pembiayaan Islamik berkadar tetap? | Pembiayaan Islamik yang mengenakan kadar keuntungan tetap ke atas pembiayaan pelanggan yang mana ia tidak mempunyai kadar keuntungan siling atau juga dikenali sebagai Ceiling Profit Rate. |
| 2 | Bagaimana pelanggan boleh mengetahui bahawa pembiayaan mereka adalah berkadar tetap? | Pelanggan boleh menyemak melalui suratcara perjanjian pembiayaan yang telah ditandatangani di antara pelanggan dan Agrobank. |
| 3 | Apakah jenis pembiayaan Agrobank yang menawarkan kadar keuntungan tetap? | Kebanyakan produk yang terlibat adalah dari segmen pembiayaan mikro termasuk MUS1M-*i* , Paddy-*i* dan lain-lain tertakluk kepada suratcara perjanjian pembiayaan yang telah ditandatangani oleh pelanggan. |
| 4 | Berikutan pengumuman oleh Bank Negara Malaysia (BNM) bertarikh 30 April 2020, perlukah pelanggan memohon untuk mendapatkan moratorium ini? | Pelanggan yang layak tidak perlu membuat sebarang permohonan untuk program moratorium ini. |
| 5 | Bagaimana pelanggan boleh mengetahui samada pelanggan layak untuk menyertai program moratorium ini? | Pelanggan yang layak telah menerima Sistem Pesanan Ringkas (SMS) dari Agrobank pada 1 April 2020.<br><br>Bagi pelanggan yang tidak menerima SMS, sila ambil maklum notifikasi juga dibuat melalui sosial media bank, email atau panggilan telefon dari Pegawai Agrobank. |
| 6 | Berapa lamakah tempoh moratorium diberikan? | Tempoh moratorium yang diberikan adalah tidak berubah iaitu bermula dari 1 April 2020 sehingga 30 September 2020. |
| 7 | Mengapakah pembiayaan selain pembiayaan Islamik berkadar tetap tidak terlibat dengan pengumuman dari pihak BNM? | Pengumuman terbaru dari BNM tersebut adalah khusus untuk pembiayaan Islamik berkadar tetap (bagi pembiayaan berkaitan di Agrobank). Untuk pembiayaan yang lain, pengumuman BNM sebelum ini masih terpakai.<br><br>Pengumuman tersebut adalah bertujuan untuk memastikan pelaksanaan moratorium bagi pembiayaan Islamik berkadar tetap adalah selari dengan terma sedia ada di bawah suratcara perjanjian pembiayaan yang telah ditandatangani di antara pelanggan dan institusi kewangan yang berkaitan serta mematuhi keperluan Shariah.<br><br>Walaubagaimanapun, pengumuman tersebut tidak akan memberi kesan kepada pelanggan yang mempunyai pembiayaan Islamik kadar tetap Agrobank dimana pihak Agrobank tidak akan mengenakan keuntungan tambahan sepanjang tempoh moratorium. |
| 8 | Adakah terdapat sebarang perubahan kelayakan pelanggan untuk program moratorium ini? | Tiada sebarang perubahan kelayakan pelanggan berdasarkan pengumuman yang dibuat oleh pihak BNM sebelum ini. |

<table>
<tr>
<td>9</td>
<td>Adakah tempoh pembiayaan pelanggan terjejas?</td>
<td>Ya, tempoh matang pelanggan akan dilanjutkan untuk tempoh enam (6) bulan dari tarikh tamatnya pembiayaan asal.<br><br>Contohnya:
<table>
<tr><td>Tarikh Matang Asal</td><td>30 Jun 2025</td></tr>
<tr><td>Tarikh Matang Baru</td><td>31 Disember 2025</td></tr>
</table>
</td>
</tr>
<tr>
<td>10</td>
<td>Adakah kadar keuntungan dicaj keatas akaun pelanggan dalam tempoh moratorium dan bagaimana perubahan ansuran bulanan pembiayaan pelanggan?</td>
<td>Tiada kadar keuntungan tambahan dicaj keatas pelanggan sepanjang tempoh moratorium.<br><br>Ansuran bulanan sebelum dan selepas tempoh moratorium adalah seperti ilustrasi dibawah:<br><br><u>Pembiayaan MUS1M-i</u><br><br>Jumlah Pembiayaan<br>RM10,000.00<br><br>Tempoh Untuk Matang<br>36 bulan + enam (6) bulan tempoh anjakan<br><br>Kadar keuntungan<br>15%
<table>
<tr><td rowspan="2">Ansuran Bulanan</td><td>Sebelum tempoh penangguhan</td><td>Selepas tempoh penangguhan</td></tr>
<tr><td>RM237.00</td><td>RM237*</td></tr>
</table>
* Ansuran bulanan dan obligasi pelanggan adalah sama berdasarkan terma yang terdapat di dalam perjanjian yang telah ditandatangani oleh pelanggan sebelum ini.
</td>
</tr>
<tr>
<td>11</td>
<td>Bolehkah pelanggan menarik diri daripada menyertai program moratorium ini dan apakah tindakan yang perlu diambil?</td>
<td>Ya. Pelanggan yang layak boleh menarik diri daripada menyertai program moratorium ini dengan memaklumkan kepada pihak Agrobank melalui pautan www.agrobank.com.my/no-mora<br><br>Bagi pelanggan yang menarik diri, pelanggan perlu membuat bayaran bulanan seperti biasa dengan kaedah seperti berikut:<br><br>i. Pembayaran melalui perbankan internet AGRONet (Cara ini adalah digalakkan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) agar Tuan/Puan tidak perlu keluar rumah sewaktu tempoh PKP;<br><br>ii. Pembayaran melalui mesin deposit tunai;<br><br>iii. Pembayaran melalui kaunter cawangan Agrobank yang terdekat (Cara ini adalah tidak digalakkan sepanjang tempoh PKP dan Tuan/Puan boleh menyemak cawangan-cawangan yang ditutup sementara sepanjang tempoh PKP melalui laman sesawang Agrobank di www.agrobank.com.my)</td>
</tr>
</table>

| | | |
|---|---|---|
| 12 | Adakah saya perlu menyempurnakan perjanjian pembiayaan dan melakukan akad baru untuk program moratorium ini? | Pelanggan tidak perlu menyempurnakan perjanjian pembiayaan dan melaksanakan aqad baru kerana program moratorium ini tidak mengubah jumlah keuntungan asal pembiayaan pelanggan. |
| 13 | Sekiranya saya menyertai program moratorium ini, adakah saya akan mendapat sebarang makluman? | Ya. Sekiranya pelanggan layak di bawah program ini dan tidak menarik diri dari menyertai program ini, Agrobank akan mengeluarkan surat pemberitahuan untuk memaklumkan maklumat terkini berkaitan pembiayaan pelanggan terutamanya berhubung tempoh matang pembiayaan yang baru. |

3 Mei 2020

# FREQUENTLY ASKED QUESTIONS – MORATORIUM FOR FIXED RATE ISLAMIC FINANCING (PART 2)

**(Referring to the Bank Negara Malaysia press released entitled "Pengendalian Moratorium bagi Pinjaman Sewa Beli dan Pembiayaan Islam Berkadar Tetap" on Thursday, 30 April 2020)**

## QUESTION ABOUT MORATORIUM FOR FIXED RATE ISLAMIC FINANCING

| NO. | QUESTION | ANSWER |
|---|---|---|
| 1 | What is fixed rate Islamic financing? | Islamic financing that imposes a fixed rate profit on the customer's financing which has no ceiling profit rate. |
| 2 | How can customers know that their financing is fixed rate? | Customers can check through their executed financing agreement with Agrobank. |
| 3 | Which type of Agrobank's financing that offers a fixed rate profit? | Most of the products are from micro financing segment, including MUS1M-*i*, Paddy-*i* and other financing, subject to the agreement signed by the customer. |
| 4 | Following the announcement by Bank Negara Malaysia (BNM) dated 30 April 2020, do the customers need to apply for this moratorium program? | Eligible customers do not need to apply for this moratorium program. |
| 5 | How would the customers know whether they are eligible for the moratorium program? | Eligible customers would have received a Short Message System (SMS) from Agrobank on 1st April 2020.<br><br>For those customers who do not receive SMS, please note that the notification is also made through Agrobank's social media, e-mail or phone call from Agrobank's Officer. |
| 6 | How long is the moratorium period given? | The moratorium period remains unchanged from 1st April 2020 to 30th September 2020. |
| 7 | Why are financings other than fixed rate Islamic financing not affected with BNM announcements? | The latest announcement from BNM is specifically for fixed rate Islamic financing (for related financing at Agrobank). For other financing, the previous BNM's announcement is still applicable.<br><br>The announcement is intended to ensure the implementation of moratorium on fixed rate Islamic financing is in line with existing terms under the financing agreements executed between the customers and related financial institution and to comply with Shariah requirements.<br><br>However, the announcement will not affect Agrobank's customers with fixed rate Islamic financing as Agrobank will not charge additional profit during the moratorium period. |
| 8 | Are there any changes on the customer eligibility for this moratorium program? | There are no changes on the customer eligibility based on the previous announcement made by BNM. |

<table>
<tr>
<td>9</td>
<td>Is the customer's financing tenure affected?</td>
<td>
Yes, the customer's financing tenure will be extended for six (6) months from the maturity date of the original financing tenure.<br><br>
Example:
<table>
<tr><td>Original Maturity Date</td><td>30 June 2025</td></tr>
<tr><td>New Maturity Date</td><td>31 December 2025</td></tr>
</table>
</td>
</tr>
<tr>
<td>10</td>
<td>Is there any profit rate being charged on the customer's account during the moratorium period and will the monthly installment varies?</td>
<td>
No additional profit shall be charged on the customer's financing during the moratorium period.<br><br>
The monthly installments before and after the moratorium period are as illustrated below:<br><br>
MUS1M-i Financing<br><br>
Financing Amount<br>
RM10,000.00<br><br>
Financing Tenure<br>
36 months + 6 months extended period<br><br>
Profit rate<br>
15%
<table>
<tr><th rowspan="2">Monthly Installment</th><th>Before Deferment</th><th>After Deferment</th></tr>
<tr><td>RM237.00</td><td>RM237*</td></tr>
</table>
* The monthly installments and the customer's obligations are the same as the terms of the agreement executed by the customer previously.
</td>
</tr>
<tr>
<td>11</td>
<td>Can customers opt out of this moratorium program and what action should be taken?</td>
<td>
Yes. Eligible customers can opt out from this moratorium program by notifying Agrobank via the link at www.agrobank.com.my/no-mora<br><br>
For customers who have opted out, they will need to make monthly payments as usual according to the following methods:<br><br>
i. Payment via internet banking AGRONet(This method is recommended throughout the Movement Control Order (MCO) period so that customers do not have to leave the house during the MCO period;<br><br>
ii. Payment by cash deposit machine;<br><br>
iii. Payment to be made at the nearest Agrobank branch counter (This method is not recommended during the MCO period and customers can check the branches that temporarily being closed during the MCO period through the Agrobank's website at www.agrobank.com.my)
</td>
</tr>
</table>

| | | |
|---|---|---|
| 12 | Do I need to execute a new agreement and Aqad for this moratorium program? | Customers do not need to execute a new agreement and Aqad as this moratorium program does not change the original customer's financing profit. |
| 13 | If I participate in this moratorium program, will I receive any notification? | Yes, if customers are eligible under this moratorium program and do not opt out of the program, Agrobank will issue a notice to update the customers especially regarding the new financing maturity date. |

3 May 2020